Utusan Borneo: 19 November 2026

Petani sumbang mahram anak tiri kena 18 tahun, sembilan sebatan

KUCHING: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 18 tahun dan sembilan sebatan terhadap seorang petani yang melakukan sumbang mahram dengan anak tirinya sehingga mangsa melahirkan bayi lelaki.

Tertuduh, 28, menukar pengakuannya kepada bersalah dalam prosiding perbicaraan tersebut semalam.

Dia didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Subseksyen 376B(1) Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun berkuat kuasa daripada tarikh tangkap, 20 November 2025, dan enam sebatan terhadap tertuduh selaras dengan Seksyen 376B(1) Kanun Keseksaan.

Selain itu, selaras dengan Seksyen 16(1) SOACA 2017, Noorhisham menjatuhkan hukuman penjara tambahan selama tiga tahun berserta tiga sebatan, yang perlu dijalani secara berturutan iaitu selepas tertuduh selesai menjalani hukuman penjara 15 tahun tersebut.

Dengan itu, tertuduh diperintahkan menjalani hukuman keseluruhan penjara 18 tahun dan sembilan sebatan.

Noorhisham juga mengarahkan tertuduh menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh tahanan, selari dengan Seksyen 26(1) SOACA 2017.

Disamping itu, selaras dengan Seksyen 27(1) SOACA 2017, beliau memerintahkan tertuduh diletakkan di bawah pengawasan polis selama tiga tahun setelah selesai menjalani hukuman.



KE PENJARA: Tertuduh diiringi anggota polis di luar kamar Mahkamah Sesyen Kuching setelah dijatuhkan hukuman semalam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan sumbang mahram dengan anak tirinya yang berumur 15 tahun pada waktu kejadian iaitu antara Januari dan Februari 2025, di dalam bilik sebuah rumah kedai di Jalan Belatok, Padawan.

Berdasarkan keterangan kes, pada 17 November 2025, mangsa yang ketika itu mengalami sakit perut meminta bantuan ibunya untuk dibawa ke Hospital Umum Sarawak (HUS).

Setibanya mereka di hospital, mangsa melahirkan seorang bayi lelaki di bahagian kecemasan.

Ibu mangsa, 41, tidak mengetahui anaknya telah mengandung.

Apabila ditanya mengenai individu yang bertanggungjawab terhadap kehamilannya, mangsa memberitahu ibunya bahawa dia telah melakukan hubungan kelamin secara rela hati bersama teman lelakinya yang tidak dikenali oleh ibunya.

Susulan itu, ibu mangsa membuat laporan polis sebagai laporan rujukan bagi tujuan pihak hospital dan bukannya untuk meminta siasatan polis dijalankan.

Bagaimanapun, polis ketika Ops Kesan pada 20 November 2025 menahan tertuduh iaitu suami pengadu yang juga bapa tiri mangsa kerana disyaki terlibat dalam kes berkenaan.

Hasil siasatan lanjut mendapati tertuduh yang berusia 26 tahun ketika kejadian telah melakukan hubungan seks dengan anak tirinya sebelum sambutan Hari Gawai 2024.

Tertuduh kemudian terus melakukan perbuatan itu terhadap mangsa setiap bulan sepanjang 2024 sehingga penghujung Mei 2025, ketika ibu mangsa tiada di bilik.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly.